

27/05/2003

Sokongan rakyat penentu kejayaan pakej rangsangan

Ikmal Hisham Abdul Aziz

BIRO Ekonomi Pemuda Umno menyifatkan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 billion yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu, sebagai pendekatan bijaksana, proaktif dan tepat pada masanya.

Paling membanggakan, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan menegaskan bahawa kerajaan tidak perlu mendapatkan pinjaman luar negara untuk membiayai pakej berkenaan kerana sumber kewangan dalam negara mencukupi.

Hakikat ini membuktikan daya tahan kerajaan yang kukuh kerana masih mampu bertahan walaupun keadaan ekonomi serantau merudum teruk akibat peristiwa global terutama serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan wabak

Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Ini dapat dibuktikan melalui peruntukan sebanyak RM1.7 bilion daripada Kerajaan Pusat, Bank Negara Malaysia (RM2 bilion) serta Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Bank Pembangunan dan Infrastruktur serta

Bank Industri (masing-masing RM3.6 bilion).

Generasi muda negara sewajarnya berbangga dengan pakej ini kerana walaupun peruntukan Kerajaan Pusat akan meningkatkan sedikit defisit, ia tidak menyebabkan kerajaan perlu meminjam dari luar negara.

Dengan kata lain, defisit yang ditanggung masih dalam kawalan kerana ia akan dibiayai oleh sumber kewangan dalaman.

Perkembangan ini mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara bebas, berdaulat dan mampu menguruskan ekonominya dengan baik.

Ini kerana negara kita secara teknikalnya adalah sebuah negara yang kaya

dengan tunai. Bagaimanapun, ia tidak dimiliki kerajaan secara langsung, sebaliknya dimiliki pelbagai institusi termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Lembaga Tabung Haji.

Justeru, Pergerakan Pemuda Umno menyeru seluruh rakyat Malaysia bersyukur dengan pakej yang diumumkan ini dan berterima kasih kepada kerajaan yang prihatin dengan kebajikan rakyat.

Pada ketika ekonomi dunia berada pada tahap tidak menentu, rakyat negara

ini pula mendapat 'durian runtuh' apabila kerajaan menyediakan pelbagai galakan dan pelepasan cukai.

Sesuai dengan dasarnya yang prihatin dan mesra rakyat, kerajaan rela kehilangan sumber hasil sebanyak RM800 juta setahun semata-mata untuk mengurangkan beban menjalankan perniagaan dan menggalakkan rakyat berbelanja bagi menggerakkan kegiatan ekonomi domestik.

Sehubungan itu, kita wajar berterima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan jumlah yang besar melalui pakej ini untuk membaiki prasarana luar bandar, meningkatkan dana Tekun, menaik taraf rumah pangsa

kerajaan dan suntikan modal kepada institusi kewangan pembangunan milik kerajaan.

Justeru, golongan usahawan perlu memanfaatkan peruntukan sebanyak RM2

bilion yang disalurkan kepada pelbagai dana untuk memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Selain itu, pinjaman daripada institusi kewangan pembangunan membabitkan peruntukan keseluruhan bernilai RM3.6 bilion disalurkan untuk pelbagai skim termasuk Skim Kredit Mikro, Amanah Ikhtiar Malaysia, Tabung Makanan dan Dana Prasarana Pelancongan.

Kita juga bersetuju dengan kenyataan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamed, bahawa pakej strategi baru ini bertujuan menstabilkan keupayaan pengusaha sektor terbabit dalam menjana semula perniagaan mereka, selain membantu pengusaha IKS, sektor pelancongan dan pelbagai bidang perniagaan lain yang terjejas kesan wabak SARS dan perang di Iraq.

Langkah kerajaan ini adalah pendekatan bijak dalam usaha membendung kelemahan penyaluran dana oleh institusi kewangan, sekali gus mengekang kegiatan pinjaman daripada ceti haram atau along.

Keputusan ini juga selari dengan resolusi seminar yang dianjurkan Biro Ekonomi Pemuda Umno, yang dipengerusikan oleh Said Anuar Said Ahmad, baru-baru ini.

Secara keseluruhannya, pakej strategi baru ini bertujuan mengukuhkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi kesan daripada peristiwa global yang berlaku di seluruh dunia.

Suntikan pembiayaan bagi menjayakan 90 langkah dalam pakej itu menunjukkan iltizam kerajaan mahu mengurangkan beban segenap lapisan masyarakat yang terjejas akibat ketidaktentuan global sejak akhir-akhir ini.

Pakej ini begitu menyeluruh serta memberi perhatian dan peruntukan kepada hampir semua bidang, sektor dan pelbagai corak perniagaan.

Pengumuman terbaru kerajaan ini membuktikan komitmen usaha kerajaan untuk menjana kemajuan negara dan kemakmuran rakyat.

Adalah diharapkan langkah ini dapat meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi melebihi 4.2 peratus seperti yang dicapai tahun lalu.

Hanya kerjasama dari semua pihak dan sokongan tidak berbelah bahagi rakyat yang dapat memastikan kejayaan pakej berkenaan.

IKMAL HISHAM ABDUL AZIZ,

Timbalan Pengerusi Biro Ekonomi,

Pemuda Umno merangkap Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanah Merah.